

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 MARCH 2017

# Perdana Menteri mampu uruskan kewangan negara – Ku Li

um - 27/3/2017

**GUA MUSANG 26 Mac** - Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yakin kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mampu menguruskan kewangan negara dengan baik.

Beliau berkata, negara mempunyai aset yang banyak untuk menampung hutang, justeru, dakwaan pembangkang bahawa Malaysia akan bankrap tidak benar.

“Mempunyai hutang adalah perkara biasa bagi sesebuah negara dan Amerika Syarikat mempunyai hutang yang lebih banyak daripada kita,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Transformasi Pendidikan di Sekolah Kebangsaan Jerek, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Abdul Ghani; ADUN Galas, Ab. Aziz Yusoff dan Timbalan Pengarah Pelajaran

Negeri Kelantan, Muhammad Zahari Othman.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan pembangkang yang menuduh kerajaan pimpinan Najib berdepan muflis dengan keadaan tekanan ekonomi sekarang.



**TENGGU RAZALEIGH HAMZAH**

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata, semua negara membangun menghadapi tekanan ekonomi yang berlaku secara kebetulan dan tidak akan berlarutan selama-lamanya kerana semua kerajaan ada pelan pemulihan mereka

sendiri.

“Tekanan ekonomi berlaku di semua negara membangun tetapi mereka mempunyai perancangan untuk menyelesaikannya. Kita percaya tekanan ekonomi yang dihadapi semua negara itu buat sementara sahaja dan bakal pulih dalam masa terdekat nanti.

“Tengoklah harga komoditi juga tidak kekal sekejap naik dan



**Tekanan ekonomi berlaku di semua negara membangun tetapi mereka mempunyai perancangan untuk menyelesaikannya. Kita percaya tekanan ekonomi yang dihadapi semua negara itu buat sementara sahaja dan bakal pulih dalam masa terdekat nanti.”**

**TENGGU RAZALEIGH HAMZAH**

sekejap turun yang turut dirasai semua negara yang menjadi pengeluar komoditi seperti sawit, kayu dan getah. Nilai eksport kita menurun, tetapi tidaklah hingga memburukkan keadaan dan masih stabil untuk rakyat negara kita menikmati hasilnya,” kata beliau.